

TRANSFORMASI BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA: PENILAIAN SEMULA TERHADAP HUKUMAN TAKZIR

(Transformation of the Jurisdiction of the Syariah Courts in Malaysia: Re-Evaluation of Takzir Sentences)

Jasri Jamal

jasri@ukm.edu.my

Hasnizam Hashim

hasnizam03@gmail.com

Fakulti Undang-undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abstrak

Skop hukuman takzir dalam perundangan Islam sebenarnya lebih luas dan tidak terbatas kepada hukuman denda maksimum RM5000, penjara maksimum tiga tahun atau maksimum enam kali sebatan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) [Akta 355]. Walaupun Akta ini telah dipinda buat kali terakhir pada tahun 1984, namun pindaan yang dilakukan masih tidak menepati tujuan hukuman uqubah takzir yang sebenar dalam perundangan Islam. Oleh itu, hukuman takzir perlu disemak dan dimurnikan agar sentiasa relevan dengan perubahan semasa. Makalah ini membincangkan keluasan skop hukuman takzir pada zaman awal Islam, pelaksanaannya kini di mahkamah syariah, faktor yang menghalang transformasi bidang kuasa, serta kaedah penyelesaiannya agar anjakan paradigma ini dapat mentransformasikan hukuman takzir ke suatu tahap yang lebih baik.

Kata kunci: hukuman takzir, perundangan Islam, bidang kuasa jenayah, mahkamah syariah

Abstract

Although this Act was last amended in 1984, unfortunately, it still does not fulfil the genuine spirit of uqubah takzir in Islam. Criminal jurisdiction of the syariah court is still limited with fines not exceeding RM5000 or imprisonment for a maximum term of three years, or whipping not exceeding six strokes or any combination thereof. Under Islamic law, amendments and improvements of takzir sentences are necessary to ensure that the sentences relevant to changes and the current situation. This paper therefore, will discuss the wide scope of takzir sentences which had existed in the early period of Islam, its implementation in the present syariah court, the obstacles that prevent its transformation and its solutions. Perhaps a real understanding of takzir sentences in Islamic law will serve as a paradigm shift in the effort to upgrade the existing takzir sentences in the syariah courts to a higher standard and position.

Keywords: takzir sentences, Islamic law, criminal jurisdiction, syariah courts

PENDAHULUAN

Undang-undang Islam pernah dilaksanakan dalam bentuk yang komprehensif untuk suatu tempoh yang lama. Bermula sejak dari zaman Rasulullah SAW, sahabat, tabiin dan sehinggalah ke zaman akhir pemerintahan Kerajaan Turki Uthmaniyyah. Dalam tempoh masa tersebut, undang-undang Islam telah mengalami berbagai-bagai corak pendekatan dan kaedah pelaksanaan yang berbeza dari semasa ke semasa. Bermula daripada sebuah undang-undang yang mudah dan dilaksanakan secara fundamental pada zaman Rasulullah SAW sehingga menjadi undang-undang yang kompleks pada zaman Umayyah, Abbasiyyah dan seterusnya Uthmaniyyah yang dilaksanakan secara lebih liberal. Walaupun mengharungi pelbagai perubahan, undang-undang tersebut terus mengekalkan sifat dan identitinya sebagai undang-undang Islam yang berasaskan syariat Islam, berpandukan huraian para fuqaha dan menggunakan pendekatan yang semasa dan setempat.¹

1 Mahmood Zuhdi Ab. Majid, 1997. *Pengantar Undang-undang Islam di Ma-*

Apabila tamadun Islam mengalami zaman kejatuhan dan digantikan oleh tamadun Barat, undang-undang Islam bukan sahaja kehilangan identiti sebagai undang-undang yang berasaskan syariat dan bersendikan tafsiran para fuqaha tetapi juga telah hilang kewibawaannya. Di bawah tekanan politik dan intelektualisme Barat, di samping kelemahan umat Islam dalam banyak bidang, akhirnya undang-undang Islam disingkirkan dari kedudukannya yang asal dan terus menjadi undang-undang dalam skopnya yang sempit di seluruh negara Islam. Malah, dalam keadaan seperti itu pun undang-undang Islam tidak terlepas daripada dipengaruhi oleh pendekatan dan nilai substantif undang-undang Eropah. Keadaan ini terus berlaku meskipun negara Islam tersebut telah bebas daripada penjajahan Barat.²

Di Malaysia, perbincangan tentang isu bidang kuasa jenayah mahkamah syariah bukanlah sesuatu yang baharu. Gesaan untuk melakukan penilaian semula bidang kuasa jenayah mahkamah syariah telah disuarakan oleh banyak pihak sama ada daripada pengamal undang-undang mahupun ahli akademik. Gesaan ini dibuat atas dasar untuk menjadikan mahkamah syariah lebih responsif dan terus kekal relevan untuk menghadapi situasi semasa negara, terutama untuk menangani perkara yang mampu menjejaskan keharmonian masyarakat dan negara.³ Kali terakhir bidang kuasa jenayah mahkamah syariah dikaji semula adalah pada tahun 1984 dan sehingga kini (selepas lebih dari 30 tahun) hukumannya masih kekal dalam bentuk denda, penjara dan sebatan. Meskipun pada tahun 1988 berlaku pindaan terhadap perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan yang menghalang campur tangan mahkamah sivil dalam apa-apa perkara di bawah bidang kuasa mahkamah syariah, namun bidang kuasa takzir mahkamah syariah masih lagi kekal sama dan tidak mengalami sebarang perubahan.⁴

aysia. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya, hlm. 4-7.

- 2 Mahmood Zuhdi Ab. Majid, 1997. *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya, hlm. 52-56.
- 3 Siti Zubaidah Ismail, 2012. "Kajian Semula terhadap Undang-undang Jenayah Syariah" dlm. Siti Shamsiah Mat Supi (ed.). *Korpus Undang-undang Islam di Malaysia: Semakan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, hlm. 10.
- 4 Lihat perbincangan lanjut tentang perkara ini dalam Farid Sufian Shuaib, 2008.

Fokus perbincangan makalah ini adalah tentang keperluan melakukan penilaian semula hukuman takzir yang sedia ada di mahkamah syariah sebagai suatu usaha untuk mentransformasikan bidang kuasa mahkamah syariah. Pada awal penulisan makalah ini, keluasan konsep hukuman takzir dalam perundangan Islam akan dibincangkan sebagai suatu perbandingan dan keterbatasannya dalam amalan sedia ada di mahkamah syariah. Perbincangan juga akan menyentuh keperluan melakukan transformasi bidang kuasa mahkamah syariah, faktor yang menghalang, serta kaedah atau langkah bagi mengatasinya. Usaha untuk mengkaji semula bidang kuasa jenayah mahkamah syariah pada hari ini merupakan suatu langkah untuk mentransformasikan dan memperkasakan undang-undang syariah di negara ini. Usaha ini juga seiring dengan peranan mahkamah syariah yang bermatlamat untuk membuktikan keadilan undang-undang Islam sesuai dilaksanakan di semua tempat, suasana dan masa.

KERANGKA HUKUMAN TAKZIR DALAM PERUNDANGAN ISLAM

Takzir berasal daripada perkataan Arab *'azzara* yang bermaksud “menolak” atau “menghalang” dan “memberikan pengajaran”. Takzir juga bermaksud “memberikan pertolongan”, memuliakan dan menguatkan kerana menghalang musuh daripada menyakiti seseorang”.⁵ Frasa takzir kemudiannya popular dengan makna “memberikan” pengajaran dan penghinaan yang kurang daripada hukuman had”. Peluasan makna ini berlaku kerana takzir dapat menghalang penjenayah daripada mengulangi kesalahannya.⁶


Powers and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia. Edisi ke-2. Malaysia: Lexis Nexis Malaysia Sdn. Bhd., hlm. 3-4. Lihat juga Sharifah Suhanah S. Ahmad. “Empowering in the Shariah Court in Malaysia-Article 121(1a) Revisited” dlm. *IKIM Law Journal* 9:1, 2005, hlm. 311-12.

- 5 Ibrahim Mustafa, Hamid Abdul Qadir, Ahmad Hasan al-Zayyat dan Muhammad Ali Najjar, 1989. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Istanbul: Dar an- Nadwah, hlm. 598.
- 6 Wahbah al-Zuhaili, 2005. *Fiqh dan Perundangan Islam*. Terjemahan. Jilid VI. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 208.

Hukuman takzir dikenakan terhadap perbuatan maksiat yang tidak melibatkan kesalahan hudud, qisas, diat dan kafarah. Maksiat ialah tindakan melakukan apa-apa yang diharamkan atau meninggalkan apa-apa yang diwajibkan oleh syarak. Takzir juga dilaksanakan terhadap kesalahan hudud dan qisas yang pembalasannya tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan rukun dan syarat atau terdapat sesuatu halangan. Walau bagaimanapun, takzir tidak boleh digantikan sebagai hukuman tunggal bagi kesalahan hudud dan qisas yang telah dibuktikan. Takzir boleh dijadikan sebagai hukuman tambahan kepada hudud dan qisas.⁷ Penetapan bentuk hukuman takzir dan kadarnya diserahkan kepada pemerintah atau hakim untuk melaksanakannya agar dapat mencapai matlamat untuk memberikan pengajaran, mencegah dan memulihkan pesalah.⁸ Pelaksanaan hukuman takzir mempunyai sejarah yang panjang seiring dengan pelaksanaan hukum Islam. Oleh itu, terdapat pelbagai bentuk hukuman takzir sesuai dengan konteks kesalahan yang dilakukan. Pada prinsipnya, Islam tidak menghalang pelaksanaan apa-apa sahaja bentuk hukuman takzir kerana terpulang kepada pemerintah, hakim atau badan perundangan sesebuah negara untuk menentukan dan memilih bentuk hukuman yang sesuai bagi membanteras jenayah, serta dapat membetulkan dan memberikan pengajaran kepada pesalah. Syaratnya hukuman tersebut mestilah sesuai dengan falsafah hukuman dalam Islam demi untuk memelihara kepentingan umum. Kerangka umum yang berkaitan dengan bentuk hukuman takzir dalam perundangan Islam adalah seperti dalam rajah.

7 Mahmood Zuhdi Ab. Majid, 2001. *Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 11.

8 Ahmad Fathi Bahnasi, 1991. *Al-Mausuah al-Jinaiyyah fi al-Fiqh al-Islami*. Juzuk 1. Beirut: Dar an-Nahdah, hlm. 347-48.



Rajah Bentuk hukuman takzir.

Hukuman Berbentuk Fizikal

1. Hukuman Mati (*al-Qatl*)

Kaedah asal hukuman takzir adalah untuk memberikan pengajaran yang tidak membawa kemusnahan atau kematian. Jumhur ulama (mazhab Maliki, Syafii, Hanbali dan Zahiri) berpendapat bahawa hukuman bunuh tidak harus dijatuhkan kepada pesalah melalui peruntukan hukuman takzir.⁹ Walau bagaimanapun, mereka

9 Muhammad Amin ibn Abidin, 1996. *Hasyiah Rad al-Mukhtar ala ad-Durr al-Mukhtar*. Jilid 6. Kaherah: Maktabah al-Babi, hlm. 62-63. Lihat juga Taqiyud-

berpendapat bahawa hukuman bunuh boleh dikenakan bagi kesalahan tertentu seperti menjadi pengintip bagi pihak musuh, mendedahkan rahsia sulit negara kepada musuh, mengajar ilmu yang boleh membawa kekufuran, dan tindakan yang boleh memecahbelahkan kesatuan umat.¹⁰ Menurut mazhab Hanafi, hukuman bunuh boleh dijatuhkan bagi kesalahan yang berat seperti berzina berulang kali, mencuri berulang kali sehingga membawa kemudaratan, melakukan kesalahan liwat atau homoseksual yang berterusan, serta pembunuhan yang tidak boleh dikenakan hukuman qisas.¹¹ Membenarkan pelaksanaan hukuman bunuh bukanlah bererti pemerintah mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman bunuh kepada pesalah dengan sewenang-wenangnya tanpa batas tertentu. Keputusan pemerintah untuk menjatuhkan hukuman tetap tertakluk pada prinsip yang telah ditetapkan oleh syarak.¹²

2. Hukuman Sebat (*al-Jalad*)

Meskipun hukuman sebat ditetapkan bagi kesalahan hudud, tetapi dilaksanakan juga terhadap kesalahan takzir. Autoriti hukuman sebat terhadap kesalahan takzir adalah berdasarkan firman Allah SWT dalam al-Quran, *Surah al-Nisa'*, ayat 34 yang bermaksud:

“... dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya)”

din Ahmad bin Taimiyyah, 2008. *As-Siyasah al-Syariyyah fi Islahi ar-Raie wa al-Raiyyah*. Beirut: Al-Maktabah al-Asriyyah, hlm. 102-03.

- 10 Taqiyuddin Ahmad bin Taimiyyah, 2008. *As-Siyasah al-Syariyyah fi Islahi ar-Raie wa al-Raiyyah*. Beirut: Al-Maktabah al-Asriyyah, hlm. 103. Lihat juga Ibn Farhaun, 1995. *Tabsirah al-Hukkam fi Usul al-Aqdiyyah wa Manahij al-Ahkam*. Jilid 2. Kaherah: Al-Syarafiyah, hlm. 206.
- 11 Mohd. Shukri Hanafi dan Mohd. Tajul Sabki Abdul Latib, 2003. *Kamus Istilah Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud, Qisas dan Ta'zir)*. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd., hlm. 283-84.
- 12 Ahmad Kamaruddin Hamzah, 1989. *Pengantar Undang-undang Jenayah Islam*. Petaling Jaya: Al-Rahmaniah, hlm. 91-92.

Ayat ini diturunkan oleh Allah SWT sebagai panduan kepada suami untuk menangani masalah isteri yang nusyuz. Pukulan ringan yang tidak mendatangkan bekas dibenarkan sebagai jalan terakhir, sekiranya nasihat dan pemulauan tempat tidur tidak menghasilkan sebarang perubahan. Pukulan yang dimaksudkan, adalah seperti yang dijelaskan oleh Imam al-Qurtubi, iaitu pukulan yang bertujuan mendidik dan bukannya menyakiti.¹³ Keharusan memukul untuk tujuan mendidik juga dapat dilihat dalam hadis Rasulullah SAW yang menyuruh ibu bapa mengajar anak mereka bersembahyang pada umur tujuh tahun dan menghukum mereka dengan pukulan ringan, sekiranya mereka enggan untuk menunaikannya setelah mencapai usia 10 tahun.¹⁴

Sebat merupakan sebahagian daripada pukulan.¹⁵ Kesemua dalil yang dinyatakan menunjukkan keharusan mengenakan pukulan untuk tujuan mendidik. Berdasarkan dalil ini jugalah para Khulafa' al-Rasyidin dan pemerintah Islam berpendapat bahawa merotan atau mengenakan pukulan atau sebatan boleh dilaksanakan sebagai salah satu daripada hukuman takzir. Dengan kata lain, telah wujud ijmak fuqaha dalam permasalahan ini.¹⁶ Walau bagaimanapun, fuqaha berbeza pendapat tentang bilangan dan kekuatan sesuatu sebatan bagi hukuman takzir.¹⁷

Hukuman Berbentuk Sekatan Kebebasan

1. Penjara (*al-Habs*)

Penjara dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-habs* atau *al-sijn* yang

13 Al-Qurtubi, Abi Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Ansari, 2007. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Jilid 3. Kaherah: Dar al-Hadis, hlm. 156.

14 Maksud hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Hakim. Lihat Paizah Hj. Ismail, 1996. *Undang-undang Jenayah Islam*. Edisi ke-2. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam, hlm. 261.

15 Paizah Hj. Ismail, 1996. *Undang-undang Jenayah Islam*. Edisi ke-2. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam, hlm. 261.

16 Paizah Hj. Ismail, 1996. *Undang-undang Jenayah Islam*. Edisi ke-2. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam, hlm. 261.

17 Ibn Farhaun, 1301 H. *Tabsirah al-Hukkam fi Usul al-Aqdiyyah wa Manahij al-Ahkam*. Jilid 2. Kaherah: Al-Syarafiyah, hlm. 204.

bermaksud “tahanan” atau “kurungan”.¹⁸ Menurut fuqaha, hukuman penjara bermaksud “mengurung dan melarang seseorang daripada melakukan sesuatu”.¹⁹ Walaupun fuqaha tidak sepakat dalam penentuan tempoh tahanan, namun mereka sepakat mengatakan bahawa hukuman penjara sebagai salah satu daripada hukuman takzir. Antara sandaran dalil bagi hukuman tersebut ialah firman Allah SWT dalam *Surah Al-Nisa’* 4, ayat 15 yang bermaksud:

“...kemudian kalau keterangan-keterangan saksi itu mengesahkan perbuatan tersebut, maka kurunglah mereka (perempuan yang berzina itu) di dalam rumah hingga sampai ajal matinya, atau hingga Allah SWT mengadakan untuk mereka jalan keluar (daripada hukuman itu)”.

Ibnu Kathir menjelaskan bahawa ketetapan hukum pada masa permulaan Islam adalah berdasarkan ayat ini yang menyatakan bahawa seseorang wanita apabila nyata melakukan perbuatan zina melalui bukti yang adil, maka dia mesti ditahan di dalam rumah (dikurung) dan tidak boleh keluar dari rumah tersebut sehingga mati. Ibn Abbas mengatakan bahawa hukum menahan wanita yang melakukan perbuatan zina di dalam rumahnya sehingga mati kekal sehingga Allah SWT menggantikan hukuman tahanan dengan sebatan seperti yang dijelaskan dalam *Surah al-Nur*, ayat 2.²⁰

Selain itu, Rasulullah SAW pernah menahan dan menyebat seorang lelaki yang membunuh hambanya, serta memerintahkannya supaya memerdekakan seorang hamba tanpa melaksanakan hukuman qisas terhadap lelaki berkenaan.²¹ Dalam kes lain, Rasulullah SAW

18 Ibrahim Mustafa, Hamid Abdul Qadir, Ahmad Hasan al-Zayyat dan Muhammad Ali Najjar, 1989. *Al-Mu’jam al-Wasit*. Istanbul: Dar an Nadwah, hlm.152.

19 Abdul Aziz Amir, 1969. *Al-Ta’zir fi al-Syariyyah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi, hlm. 361-64.

20 Abi al-Fida’ Ismail bin Kathir, 2000. *Tafsir al-Quran al-Azim*. Jilid 4. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-Arabi, hlm. 2312-315.

21 Muhd. Fauzi Muhamad, 2009. *Menyingkap Hukuman Penjara dalam Islam*. Selangor: Awan Metro (M) Sdn. Bhd., hlm. 7-8.

pernah menjatuhkan hukuman qisas terhadap lelaki yang melakukan pembunuhan dan menahan lelaki yang bersubahat memegang mangsa dalam kes pembunuhan tersebut. Penahanan tersebut berjalan sehingga lelaki itu mati. Sayidina Umar bin al-Khattab juga pernah menahan Hatibah kerana mencerca dan memenjarakan lelaki yang bernama Sabigh kerana pertanyaannya tentang *Surah al-Dhariyat*, *Surah al-Mursalat* dan *Surah al-Nazi'at*, serta memukul beberapa kali dan menghalaunya ke Iraq.²²

2. Buang Daerah atau Kawasan (*al-Taghrib*)

Hukuman buang daerah pada asalnya ialah hukuman terhadap jenayah zina. Hukuman buang daerah bermaksud menempatkan pesalah di daerah lain di dalam negara Islam yang jaraknya tidak kurang dari jarak yang membolehkan *qasar* sembahyang. Fuhaqa Syafii dan Hanbali berpendapat bahawa tempoh hukuman buang daerah ini tidak melebihi satu tahun berdasarkan tempoh hukuman buang negeri bagi pesalah zina²³ seperti sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Sesiapa yang melebihi hukuman had pada kesalahan-kesalahan yang bukan had maka ia daripada orang-orang yang melampaui batas”.²⁴ Namun, Imam Abu Hanifah dan Imam Malik berpendapat bahawa hukuman buang daerah boleh melebihi tempoh setahun.²⁵ Bagi Imam Abu Hanifah, hukuman buang daerah bagi kesalahan zina bukannya had tetapi sebaliknya sebagai takzir. Bagi Imam Malik pula, hadis yang mengatakan bahawa hukuman yang tidak boleh melebihi tempoh hukuman had dalam kes takzir tersebut telah pun dimansuhkan.²⁶

22 Abdul Aziz Amir, 1969. *Al-Ta'zir fi al-Syariyyah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi, hlm. 389-90.

23 Abdul Aziz Amir, 1969. *Al-Ta'zir fi al-Syariyyah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi, hlm. 392-93.

24 Abdul Qadir 'Audah, 1986. *Al-Tasyri' al-Jinai al-Islamiy*. Jilid 1. Beirut: Muassah al-Risalah, hlm. 699.

25 Abdul Qadir 'Audah, 1986. *Al-Tasyri' al-Jinai al-Islamiy*. Jilid 1. Beirut: Muassah al-Risalah, hlm. 679.

26 Abdul Qadir 'Audah, 1986. *Al-Tasyri' al-Jinai al-Islamiy*. Jilid 1. Beirut:

Walaupun fuqaha berbeza pendapat tentang tempoh masa buang daerah yang dibenarkan, namun mereka sependapat bahawa hukuman ini harus dan boleh dijadikan sebagai hukuman takzir apabila diperlukan.²⁷ Bagi kesalahan takzir, hukuman ini dikenakan apabila pesalah mengulangi kesalahannya dan cuba mempengaruhi orang lain supaya melakukannya, serta membahayakan orang lain. Tindakan Rasulullah SAW mengusir orang perempuan yang menyerupai lelaki dan lelaki yang menyerupai perempuan, serta mereka yang dibuang daerah di suatu tempat yang bernama “al-Naqi” menjadi autoriti bagi yang menyokong hukuman ini.²⁸ Tindakan Sayidina Umar al-Khattab yang membuang daerah Nasr ibn Hajaj kerana ketampanannya yang mengundang fitnah dalam kalangan wanita di tempatnya (Madinah) ke Basrah (Iraq) tidak dibantah oleh sahabat yang lain menjadikannya sebagai ijmak.²⁹

Hukuman Berbentuk Harta

Hukuman berbentuk harta benda terbahagi kepada dua, iaitu:

1. Denda (*al-Gharamah*)

Al-Gharamah ialah istilah Arab yang bermaksud “denda”. Dari segi definisi, denda merupakan hukuman yang diputuskan oleh hakim supaya pesalah membayar sejumlah wang sebagai denda atas kesalahan yang dilakukannya.³⁰ Hukuman denda boleh dijadikan sebagai hukuman asal atau hukuman tambahan kepada sesuatu kesalahan.³¹ Menurut al-Bahnasi, denda atau wang yang dikutip

Muassah al-Risalah, hlm. 679.

27 Al-Mawardi, Abi Al-Hasan bin Muhammad bin Habib Al-Mawardi, 1989. *Al-Ahkam al-Sultaniah Wa al-Wilayat al-Diniyyah*. Edisi Pertama. Kuwait: Maktabah al-Dar Ibn Qutaibah, hlm. 386.

28 Al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Jilid 12. Al-Maktabah al-Salafiah, hlm. 165.

29 Taqiyuddin Ahmad bin Taimiyyah, 2008. *As-Siyasah al-Syariyyah fi Islahi ar-Raie wa al-Raiyyah*. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah, hlm. 47.

30 Abdul Qadir ‘Audah, 1986. *al-Tasyri’ al-Jinai al-Islamiy*. Jilid 1. Beirut: Muassah al-Risalah, hlm. 526-27.

31 Abdul Qadir ‘Audah, 1986. *Al-Tasyri’ al-Jinai al-Islamiy*. Jilid 1. Beirut: Muassah al-Risalah, hlm. 526-27.

kerana sesuatu hukuman dijadikan sebagai sebahagian daripada hasil negara dan hendaklah dibelanjakan untuk perkara yang difikirkan sesuai.³² Autoriti pelaksanaan hukuman denda dapat dilihat daripada sunah Rasulullah SAW yang memerintahkan agar hukuman denda dikenakan terhadap pencuri barangan yang tidak dikenakan hukuman potong tangan.³³ Dalam kes lain, Rasulullah SAW mengenakan hukuman sebatan dan denda dengan membayar balik dua kali ganda kepada orang yang mencuri buah tamar sebelum diletakkan di tempat simpanan.³⁴

2. Rampasan Harta Benda (*al-Musadarah*)

Al-Musadarah ialah hukuman berbentuk rampasan harta benda pesalah sebagai hukuman atas kesalahan yang dilakukannya.³⁵ Menurut Imam Abu Yusuf untuk mentafsirkan hukuman *musadarah*, bentuk rampasan harta yang diharuskan ialah rampasan harta penjenayah untuk sesuatu tempoh sebagai hukuman bagi mencegah perbuatan jenayah daripada berulang. Hakim kemudiannya mengembalikan harta itu kepada tuannya dan bukannya mengambil harta tersebut untuk dirinya atau untuk perbendaharaan negara. Walau bagaimanapun, menurut Ibn ‘Abidin, pemerintah boleh mengambil harta penjenayah, menyimpan dan menyerahkannya setelah penjenayah itu bertaubat. Sebaliknya, jika penjenayah tersebut tidak mahu bertaubat, maka pemerintah boleh membelanjakan harta rampasan tersebut untuk kemaslahatan umum. Autoriti pelaksanaan hukuman ini berlaku semasa zaman Rasulullah SAW yang mengenakan hukuman rampasan separuh harta kepada orang yang tidak mahu mengeluarkan zakat yang

32 Ahmad Fathi Bahnasi. 1983. *Al-Siasah al-Jinaiyyah fi al-Syariah al-Islamiyyah*, hlm. 24.

33 Ibnu al-Qayyim, 2006. *I‘lam al-Muwaqqi‘in*. Jilid 2. Kaherah: Dar al-Hadis, hlm. 98.

34 Wahbah al-Zuhaili, 2005. *Fiqh dan Perundangan Islam*. Terjemahan. Jilid VI. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 215.

35 Abdul Qadir ‘Audah, 1986. *Al-Tasyri‘ al-Jinai al-Islamiy*. Jilid 1. Beirut: Muassah al-Risalah, hlm. 526.

difardukan.³⁶ Oleh itu, hukuman takzir terhadap harta benda sama ada diambil atau dimusnahkan boleh diputuskan oleh hakim setelah membuat pertimbangan mengikut ijtihadnya, dan dengan syarat hukuman tersebut memberikan kebaikan kepada masyarakat umum berdasarkan autoriti yang telah dijelaskan.

Hukuman Berbentuk Pendekatan Kejiwaan

1. Nasihat dan Teguran (*al-Wa'z*)

Nasihat dan teguran ialah hukuman yang paling ringan berbanding dengan hukuman takzir yang lain. Hukuman ini bertujuan memberikan peringatan dan nasihat kepada pesalah supaya tidak mengulangi kesalahan yang dilakukan, dan untuk memberikan kesedaran kepada pesalah bahawa dia telah melakukan kesalahan undang-undang. Autoriti hukuman tersebut telah disebutkan oleh Allah SWT dalam *Surah al-Nur*, ayat 34 sebagai hukuman peringkat permulaan bagi isteri yang nusyuz terhadap suami. Hukuman tersebut juga bertujuan menghindari pesalah daripada dihadapkan ke mahkamah. Hukuman jenis ini biasanya dihadkan kepada orang yang melakukan kesalahan kecil buat pertama kali kerana hakim berpendapat hukuman tersebut mampu menghalang orang tersebut daripada terus melakukan kesalahan.³⁷

2. Celaan Rasmi atau Amaran Tegas (*al-Tawbikh*)

Fuqaha sepakat menerima hukuman ini berdasarkan kes Abu Zar yang memanggil Bilal bin Rabbah dengan gelaran wahai anak hitam, iaitu suatu ungkapan yang amat menghiris hati Bilal. Sebagai manusia biasa yang mempunyai perasaan, Bilal lantas pergi bertemu Rasulullah SAW untuk mengadu perkara tersebut. Selepas mendengarnya, muka Baginda berubah. Rasulullah SAW terus ke tempat Abu Zar berada tetapi hanya lalu sahaja dan terus ke masjid. Setelah mengetahui Rasulullah SAW marah kepadanya

36 Wahbah al-Zuhaili, 2005. *Fiqh dan Perundangan Islam*. Terjemahan. Jilid VI. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 213.

37 Abdul Qadir 'Audah, 1986. *Al-Tasyri' al-Jinai al-Islamiy*. Jilid 1. Beirut: Muassah al-Risalah, hlm. 702.

lalu Abu Zar memberi salam kepada Rasulullah SAW. Baginda kemudiannya menyebut, “Wahai Abu Zar, kamu menghina Bilal dan menghina asal usulnya. Ketahuilah Abu Zar, sesungguhnya asal usul kamu ialah orang jahiliah sebelum masuk Islam, dan sesungguhnya di dalam diri kamu masih ada sisa sifat jahiliah”. Abu Zar r.a. berasa sangat menyesal dan berkata, “Wahai Rasulullah SAW, maafkan kesalahanku dan mintalah Allah SWT ampunkan dosaku. Abu Zar berlari mendapatkan Bilal lalu dipeluknya sambil memohon kemaafan. Abu Zar meletakkan kepalanya di atas tanah seraya berkata, “Demi Allah SWT wahai Bilal, aku tidak akan angkat pipiku dari atas tanah, kecuali kamu pijak pipiku yang sebelah lagi dengan kakimu. Demi Allah SWT sesungguhnya kamu orang terhormat dan aku yang terhina”. Bilal kemudian mendekatkan mukanya ke pipi Abu Zar lalu menciumnya berkali-kali dan memeluknya sebagai tanda kemaafan.³⁸ Bagi hukuman *al-Tawbikh* ini, para fuqaha tidak menetapkan kata atau perbuatan tertentu sebagai cara mencela, malah celaan boleh dibuat dalam bentuk kata atau perbuatan yang difikirkan cukup dan munasabah oleh pihak hakim untuk menginsafkan pesalah. Namun, celaan tersebut mestilah bukan merupakan fitnah atau maki hamun.³⁹

3. Ugutan (*al-Tahdid*)

Ancaman merupakan hukuman takzir yang mendorong pesalah mengubah perlakuannya dengan ancaman bahawa dia akan dihukum sekiranya mengulangi kesalahan tersebut. Meskipun hukuman telah dijatuhkan, tetapi pelaksanaannya ditangguhkan sehingga pesalah mengulangi kesalahan (dalam tempoh masa tertentu). Selain syarat biasa, hukuman takzir tersebut mestilah sesuai dengan keadaan dan sekiranya kesalahan tersebut dilakukan,

38 Hadis Riwayat Muslim. Lihat Abu Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qushairi al-Nisaburi, 1978. *Sahih Muslim*. Jilid 11. Beirut: Dar al-Fikr, hlm. 132. Lihat juga Abdul Aziz Amir, 1969. *Al-Ta'zir fi al-Syariyyah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi, hlm. 441.

39 Al-Mawardi, Abi Al-Hasan bin Muhammad bin Habib, 1989. *Al-Ahkam al-Sultaniah wa al-Wilayat al-Diniyyah*. Kuwait: Maktabah al-Dar ibn Qutaibah, hlm. 224.

hukuman yang diputuskan hendak benar-benar dilaksanakan.⁴⁰

4. Pemulauan (*al-Hajr*)

Menerusi ayat 34, *Surah al-Nisa'*, Allah SWT menjelaskan kaedah menangani isteri yang nusyuz. Salah satu kaedah yang dikemukakan ialah *al-hajr* atau pemulauan tempat tidur. Wahbah al-Zuhaily menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan pemulauan adalah dengan meninggalkan persetubuhan atau tidak tidur bersamanya. Pemulauan juga dibenarkan sehingga tahap tidak berkomunikasi dengannya untuk tempoh tidak melebihi tiga hari sahaja.⁴¹ Tujuan pemulauan seperti yang dijelaskan oleh al-Qurtubi supaya isteri tersebut sedar akan kesilapannya dan kembali mentaati suaminya.⁴²

Dalam kes lain, Ka'ab bin Malik telah dihukum oleh Rasulullah SAW dengan hukuman "pemulauan" kerana tidak turut serta dalam peperangan Tabuk. Hukuman dikenakan kepada beliau kerana perbuatan yang dilakukannya mempengaruhi masyarakat Islam untuk turut bersikap culas terhadap arahan Rasulullah SAW pada masa akan datang. Setelah hukuman dijatuhkan, beliau berasa sangat menyesal. Namun, beliau tetap memberanikan dirinya menghampiri Rasulullah SAW tetapi tidak dipedulikan oleh Baginda dan kaum Muslimin. Pada hari yang ke-50, Ka'ab telah menerima khabar gembira bahawa taubatnya diterima Allah SWT. Beliau lantas bergegas menemui Rasulullah SAW dan disambut oleh Baginda dan kaum muslimin dengan gembira. Kisah ini telah dirakamkan oleh Allah SWT dalam al-Quran, *Surah at-Taubah* ayat 117-18.⁴³ Walau bagaimanapun, hukuman pemulauan seperti ini tidak lagi praktikal sekiranya kekuatan hidup beragama sudah tidak wujud lagi dalam masyarakat.

40 Abdul Qadir 'Audah, 1986. *Al-Tasyri' al-Jinai al-Islamiy*. Jilid 1. Beirut: Muassah al-Risalah, hlm. 703.

41 Wahbah al-Zuhailiyi, 1991. *Tafsir al-Munir fi al-Aqidati wa al-Syariati wa al-Manhaj*. Cetakan Pertama. Jilid 9-10. Damsyik: Dar al-Fikr, hlm. 56.

42 Al-Qurtubi, Abi Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Ansari, 2007. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Jilid 3. Kaherah: Dar al-Hadis, hlm. 155.

43 Al-Qurtubi, Abi Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Ansari, 2007. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Jilid 4. Kaherah: Dar al-Hadis, hlm. 591-98.

5. Pendedahan Kesalahan di Khalayak Ramai (*al-Tasyhir*)

Hukuman ini disepakati oleh semua mazhab dalam Islam.⁴⁴ Objektif hukuman adalah untuk memberitahu masyarakat umum bahawa pesalah tidak patut dipercayai lagi. Hukuman ini biasanya membabitkan kesalahan yang melibatkan penyaksian palsu dan penipuan.⁴⁵ Pada zaman dahulu, pesalah akan diarak ke pasar dan diisytiharkan kesalahannya. Pada masa ini, hukuman ini boleh dilakukan dengan mencetak keputusan mahkamah dalam surat khabar, menyiarkannya menerusi televisyen, radio, internet, dan sebagainya.⁴⁶

6. Melucutkan Jawatan Pesalah (*al-'Azal min al-Wazifah*)

Dalam *Kitab al-Hisbah*, Ibnu Taimiyyah pernah berkata, “Boleh dilaksanakan hukuman takzir dengan melucutkan jawatan kerana Nabi SAW dan para sahabatnya pernah berbuat demikian”.⁴⁷ Hukuman ini boleh dilaksanakan apabila seseorang pegawai itu tidak bersikap amanah dalam usaha melaksanakan tugasnya atau tidak lagi dapat menjalankan tugasnya dengan baik seperti yang dikehendaki dan diperlukan oleh kepentingan awam.⁴⁸

BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH YANG BERKAITAN DENGAN HUKUMAN TAKZIR

Penubuhan Mahkamah Syariah

Mahkamah syariah telah ditubuhkan di semua jajahan dan negeri di Malaysia melalui perundangan persekutuan atau negeri. Penubuhannya

44 Taqiyuddin Ahmad bin Taimiyyah, 2008. *As-Siyasah al-Syariyyah fi Islahi ar-Raie wa al-Raiyyah*. Beirut: Al-Maktabah al-Asriyyah, hlm. 45.

45 Taqiyuddin Ahmad bin Taimiyyah, 2008. *As-Siyasah al-Syariyyah fi Islahi ar-Raie wa al-Raiyyah*. Beirut: Al-Maktabah al-Asriyyah, hlm. 45.

46 Abdul Qadir ‘Audah, 1986. *Al-Tasyri’ al-Jinai al-Islamiy*. Edo Beirut: Muassah al-Risalah, hlm. 459.

47 Taqiyuddin Ahmad bin Taimiyyah, 1983. *Al-Hisbah fi al-Islam*. Kuwait: Maktabah Dar al-Arqam, hlm. 53.

48 Paizah Hj. Ismail, 1996. *Undang-undang Jenayah Islam*. Edisi ke-2. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam, hlm. 269.

di Wilayah Persekutuan dilakukan di bawah Akta Undang-undang Pentadbiran Islam (Wilayah Persekutuan) 1994, sementara di negeri-negeri di bawah enakmen atau ordinan negeri. Kuasa untuk menubuhkan mahkamah syariah diperoleh daripada Perlembagaan Persekutuan, Senarai II, Jadual Kesembilan, Senarai Negeri.⁴⁹

Bidang Kuasa Jenayah

Bidang kuasa jenayah mahkamah syariah hanya melibatkan orang Islam dan perkara yang dinyatakan di bawah Senarai II, Senarai Negeri.⁵⁰ Undang-undang yang mula-mula memberikan kuasa penghukuman dan menerangkan bentuk hukuman yang dibenarkan di mahkamah syariah ialah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355]. Akta ini diwujudkan bertujuan memberikan bidang kuasa kepada mahkamah yang ditubuhkan di bawah undang-undang negeri untuk mengendalikan kesalahan dan hukuman di bawah undang-undang Islam. Di bawah akta ini, mahkamah syariah hanya berkuasa untuk menjatuhkan hukuman penjara tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak melebihi RM1000.00. Pada tahun 1984, akta ini telah dipinda dan diperuntukkan bahawa mahkamah syariah dibenarkan menjatuhkan hukuman denda maksimum RM5000.00, atau penjara maksimum tiga tahun atau enam kali sebatan ataupun gabungan antara hukuman berkenaan.⁵¹ Proviso kepada seksyen 2 Akta 355 ini telah mengehadkan bidang kuasa mahkamah syariah negeri bagi kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM5000.00 atau dengan sebatan tidak melebihi enam kali.⁵² Kesemua bentuk hukuman yang dinyatakan dalam Akta 355 ini merupakan hukuman takzir.

49 Perlembagaan Persekutuan.

50 Noor Aziah Mohd. Awal, 2013. *Pengenalan kepada Sistem Perundangan di Malaysia*. Selangor: International Law Book Services, hlm. 192.

51 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) [Akta 355].

52 Jasri Jamal. "Pertambahan Bidang Kuasa Jenayah Syariah: Impaknya terhadap Institusi Kehakiman Syariah di Malaysia" dlm. *Shariah Law Reports* 1, hlm. xxv, 2012.

Kesalahan yang diperuntukkan hukuman takzir berdasarkan Akta 355 dalam Kanun Kesalahan Jenayah Syariah negeri adalah seperti yang berikut:⁵³

- (i) Kesalahan yang berhubung dengan akhlak seperti berkelakuan tidak sopan di khalayak ramai dan lelaki berlagak seperti perempuan di tempat awam.
- (ii) Kesalahan seks seperti bercumbuan antara pasangan yang bukan suami isteri, bersekedudukan atau berkhawat, berkelakuan sumbang, berzina, mukadimah zina, liwat, *musahaqah*, hamil atau melahirkan anak di luar nikah dan melacurkan diri.
- (iii) Kesalahan berhubung dengan amalan agama seperti mengeluarkan atau menyebarkan kata-kata yang bertentangan dengan hukum syarak, menganjurkan, menggalakkan atau melakukan maksiat, meminum minuman yang memabukkan, menjual dan membeli minuman yang memabukkan dan tidak berpuasa di bulan Ramadan.
- (iv) Kesalahan yang berhubung dengan kesejahteraan orang lain seperti menghasut atau memujuk mana-mana perempuan yang bersuami atau beristeri supaya bercerai, melarikan atau menyebabkan isteri orang lain meninggalkan rumah tangga yang ditentukan oleh suaminya, melacurkan anak atau kanak-kanak di bawah jagaan, melarikan atau mempengaruhi seseorang perempuan supaya lari daripada jagaan ibu bapanya, menjadi muncikari, iaitu menjadi orang tengah untuk tujuan menyalahi syarak dan mempertikaikan keislaman orang lain.
- (v) Kesalahan yang berhubung dengan pentadbiran hukum Islam seperti mengingkari, membantah, melanggar atau mengeji mana-mana kadi atau hakim atau pegawai hal ehwal agama, mufti, mungkir mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa di mahkamah, melanggar dan mengingkari atau menghina mana-mana perintah mahkamah.
- (vi) Bersubhat untuk melakukan apa-apa kesalahan di atas.

53 Lihat Akta/Enakmen/Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri.

- (vii) Pelbagai kesalahan yang tidak termasuk dalam kategori di atas.

KEPERLUAN TRANSFORMASI BIDANG KUASA TAKZIR MAHKAMAH SYARIAH

Hukuman takzir merupakan salah satu hujah untuk menolak pandangan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa hukuman dalam perundangan Islam bersifat rigid dan statik. Perlu difahami bahawa undang-undang jenayah Islam dan nasnya ada yang tetap dan ada yang berubah. Mana-mana kesalahan selain hudud dan qisas termasuk di bawah sistem perundangan yang mungkin berubah dari semasa ke semasa sesuai dengan perubahan suasana untuk menjaga maslahat umat.⁵⁴

Pada masa ini, bidang kuasa jenayah mahkamah syariah dikawal oleh Akta Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah 1985 yang diluluskan oleh parlimen. Akta ini mengehadkan hukuman maksimum yang boleh diperuntukkan oleh badan perundangan negeri (bagi negeri) dan parlimen (bagi wilayah persekutuan). Akta ini memberikan kuasa untuk menggubal undang-undang kesalahan jenayah, iaitu hukuman maksimum tiga tahun penjara, denda RM5000.00 dan enam kali sebatan.⁵⁵ Jika dibandingkan, kadar maksimum yang dibenarkan terlalu kecil berbanding dengan mahkamah sivil. Contohnya bidang kuasa yang diberikan kepada mahkamah sivil, iaitu mahkamah majistret boleh menjatuhkan hukuman sehingga 10 tahun penjara sedangkan hakim mahkamah tinggi syariah pula hanya berkeupayaan menjatuhkan hukuman hanya setakat denda RM5000.00 atau penjara tidak melebihi tiga tahun dan enam kali sebatan sahaja. Keadaan ini menunjukkan bahawa berlakunya diskriminasi yang jelas terhadap mahkamah syariah di Malaysia.⁵⁶ Dengan kata lain, jika undang-undang hanya

54 Ahmad Kamaruddin Hamzah, 1989. *Pengantar Undang-undang Jenayah Islam*. Petaling Jaya: Al-Rahmaniah, hlm. 92.

55 Shamrahayu A. Aziz. "Islamic Criminal Law in the Malaysian Federal Structure: A Constitutional Perspective" dlm. *IIUM Law Journal* 15:1, hlm. 118, 2007.

56 Zainul Rijal Abu Bakar dan Nurhidayah Muhd. Hashim, 2008. *Isu-isu Syariah*

memperuntukkan kadar maksimum yang tertentu, mahkamah juga tidak mempunyai bidang kuasa untuk menjatuhkan hukuman mengatasi had yang ditentukan itu.⁵⁷

Skop hukuman takzir tidak sepatutnya dibataskan kepada sebatan, denda dan pemenjaraan seperti yang diperuntukkan dalam Akta 355, bahkan sebenarnya lebih luas. Peluasan bentuk hukuman takzir juga tidak boleh dianggap sebagai sesuatu yang tidak penting walaupun hukuman hudud dan qisas sememangnya wajib dilaksanakan kerana kesalahan yang membabitkan jenayah hudud dan qisas terhadap kepada kesalahan tertentu sahaja, sedangkan terdapat banyak lagi kesalahan lain yang tidak melibatkan hukuman hudud dan qisas. Selain itu, kes yang tahap pembuktiannya tidak memenuhi tahap pembuktian hudud dan qisas juga akan dikenakan hukuman takzir. Sekiranya hukuman takzir tidak berkembang, undang-undang jenayah Islam akan bersifat rigid dan tidak fleksibel. Tanpa hukuman takzir yang sesuai dan berkesan, peningkatan statistik jenayah juga tidak akan dapat diatasi.⁵⁸

Dalam konteks Malaysia, hukuman takzir yang dilaksanakan tidak semestinya merujuk undang-undang Inggeris tetapi bebas untuk mencari undang-undang lain yang tidak bertentangan dengan undang-undang Islam.⁵⁹ Di mahkamah sivil, bentuk hukuman yang diperuntukkan bukan sahaja merangkumi sebatan, pemenjaraan dan denda, bahkan turut melibatkan hukuman mati, perintah pemulihan, bon berkelakuan baik dan pengawasan polis.⁶⁰

di Malaysia. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, hlm. 93.

57 Zainul Rijal Abu Bakar dan Nurhidayah Muhd. Hashim, 2008. *Isu-isu Syariah di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, hlm. 95.

58 Nasimah Hussin, 1997. “*Discretionary Punishment in Islamic Law with Special Reference to the Shariah Courts of Malaysia*”. Tesis PhD. Faculty of Arts Department of Islamic and Middle Eastern Studies, University of Edinburgh, hlm. 262.

59 Ahmad Mohamed Ibrahim, 1997. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), hlm.10.

60 Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Kanun Acara Jenayah [Akta 593].

FAKTOR PENGHALANG TRANSFORMASI BIDANG KUASA TAKZIR MAHKAMAH SYARIAH

Terdapat beberapa faktor yang dikenal pasti menghalang transformasi bidang kuasa takzir mahkamah syariah, antaranya termasuklah:

1. Keterikatan Peruntukan Perundangan

Keterikatan peruntukan perundangan dapat dilihat melalui dua undang-undang utama negara, iaitu Perlembagaan Persekutuan dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984). Perkara dalam Perlembagaan Persekutuan yang membataskan bidang kuasa hukuman takzir di mahkamah syariah ialah:

- (i) Perkara 4(1) menyatakan bahawa, “Perlembagaan ini ialah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas hari merdeka dan yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu”.⁶¹
- (ii) Jadual Kesembilan, Senarai Negeri, Butiran 1 menyatakan tentang kuasa mahkamah syariah menjatuhkan hukuman “... tetapi tidak mempunyai bidang kuasa terhadap kesalahan, kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang Persekutuan”.⁶²
- (iii) Jadual Kesembilan Senarai Persekutuan, Butiran 4 menyatakan bahawa, “Undang-undang dan Acara Sivil dan Jenayah, dan Pentadbiran Keadilan”.⁶³

Berdasarkan perkara 4(1), penggubalan undang-undang termasuk undang-undang takzir oleh kerajaan negeri akan terbatal sekiranya bercanggah dan bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Dalam peruntukan ini juga dapat difahami bahawa Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi negara mengatasi segala perundangan lain. Jadual Kesembilan Senarai Negeri, Butiran

61 Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan.

62 Perlembagaan Persekutuan.

63 Perlembagaan Persekutuan.

1 pula menyatakan bahawa mahkamah syariah tidak mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman melainkan apa-apa yang telah diperuntukkan oleh undang-undang Persekutuan. Undang-undang Persekutuan yang memberikan kuasa menghukum kepada mahkamah syariah ialah Akta Mahkamah Syariah.⁶⁴

Jadual Kesembilan Senarai Persekutuan, Butiran 4 pula menghadkan kuasa Badan Perundangan Negeri dalam mengadakan kesalahan dan hukuman yang sesuai menurut Islam. Sementara itu, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 telah menghadkan bidang kuasa mahkamah syariah untuk menentukan hukuman bagi kesalahan jenayah syariah kepada tiga bentuk hukuman sahaja walaupun akta ini telah dipinda pada tahun 1984.⁶⁵

2. Amalan Penghakiman Jenayah Syariah

Kesemua kesalahan jenayah yang diperuntukkan dalam akta atau enakmen kesalahan jenayah syariah negeri dan akta atau enakmen lain yang memperuntukkan hukuman terbatas kepada hukuman yang ditetapkan dalam Akta 355, iaitu penjara, denda dan sebatan sahaja. Walaupun tiga bentuk hukuman diperuntukkan, namun, hanya satu bentuk hukuman sahaja yang popular, iaitu hukuman denda. Hukuman denda sering menjadi pilihan kerana fakta yang berikut:

(i) **Kesan negatif pemenjaraan terhadap pesalah syariah berikutan ketiadaan penjara khusus.**

Amalan yang terpakai pada masa ini ialah pesalah syariah yang dijatuhkan hukuman penjara akan ditempatkan di dalam penjara di seluruh negara di bawah Jabatan Penjara Malaysia bersama-sama dengan pesalah sivil yang melakukan pelbagai kesalahan, dari yang berat sehinggalah kepada yang

64 Hamidi Abdul Ghani, "Ta'zir dan Pelaksanaannya di Malaysia" dlm. *Jurnal KIAS* 1:1, hlm. 46, 2004.

65 Hamidi Abdul Ghani, "Ta'zir dan Pelaksanaannya di Malaysia" dlm. *Jurnal KIAS* 1:1, hlm. 47, 2004.

ringan. Keadaan ini menyebabkan mahkamah syariah lebih mengutamakan hukuman denda berbanding dengan penjara.⁶⁶ Terdapat juga keadaan apabila hukuman penjara dijatuhkan, hukuman tersebut digugurkan apabila rayuan dikemukakan ke mahkamah tinggi atau mahkamah rayuan. Hal ini dapat dilihat dalam kes *Mokhtar bin Pangat lwn Pendakwa Jabatan Agama Islam dan Wilayah Persekutuan*⁶⁷, *Abd. Wahab lwn Timbalan Pendakwa Mahkamah Syariah Selangor*,⁶⁸ dan sebagainya.⁶⁹

(ii) Kontroversi berkaitan dengan pelaksanaan hukuman sebat.⁷⁰

Kontroversi yang timbul antaranya berpunca daripada ketiadaan kaedah untuk melaksanakan hukuman sebat kepada pesalah syariah. Walaupun kaedah sebatan secara ringkasnya telah dinyatakan dalam sebahagian besar enakmen tatacara jenayah syariah negeri-negeri, namun satu-satunya negeri yang telah mewujudkan kaedah hukuman sebat ini ialah negeri Kelantan melalui Kaedah Hukuman Sebat 1987.⁷¹

Usaha untuk mentransformasikan bidang kuasa takzir mahkamah syariah mungkin tidak memberikan kesan yang

66 Sheikh Ghazali Haji Abdul Rahman, "Masa Depan Mahkamah Syariah di Malaysia: Cabaran dan Strategi dalam Masyarakat Majmuk" dlm. *Jurnal Hukum XXIII:II*, hlm. 179, 2007.

67 [1991] 7 *JH* 203.

68 [1982] 2(ii) *JH* 282.

69 Siti Zubaidah Ismail, "Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-undang Syariah" dlm. *Shariah Law Reports* 4, hlm. xxviii, 2011.

70 Untuk bacaan lanjut, lihat Anita Abdul Rahim, Ahmad Azam Mohd. Shariff dan Ruzian Markom. "Hukuman Sebat Menurut Akta 355: Sejauh Manakah Aplikasinya dalam Kes-kes Jenayah Syariah di Malaysia" dlm. *Shariah Law Reports* 3, hlm. 87, 2010.

71 Musa Awang, 2014. "Di mana Kita dalam Pemantapan Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah" dlm. *Seminar Undang-undang dan Masyarakat II (SLAS II)*. Auditorium Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, hlm. 13.

besar sekiranya hukuman yang diperuntukkan tidak digunakan semaksimumnya. Amalan penghakiman yang tertumpu pada denda sahaja akan merencatkan usaha untuk mentransformasikan undang-undang jenayah di mahkamah syariah. Keadaan ini berlaku kerana kebanyakan mereka yang dituduh lebih suka mengaku salah sahaja terhadap pertuduhan yang dikenakan kerana kadar denda yang ringan yang mampu dibayar.⁷² Dari sudut perundangan, apabila sesuatu kes dibicarakan dan dibawa hujah untuk menyokong atau menafikannya, undang-undang itu akan berkembang. Penghakiman yang ditulis oleh hakim terdahulu akan menjadi ikutan kepada hakim yang lain. Sebagai contoh, dalam kes yang dibicarakan di mahkamah sivil, kes yang dipertikaikan sering dilaporkan kerana dengan cara ini undang-undang dan tafsiran terhadap sesuatu undang-undang itu akan berkembang dan tidak statik.⁷³

3. Ketidakeragaman Hukuman

Kesalahan jenayah syariah melibatkan kesalahan jenayah syariah di bawah akta atau enakmen kesalahan jenayah syariah negeri. Ketidakeragaman hukuman takzir dalam setiap akta atau enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri perlu ditangani agar perundangan Islam dilihat mampu mendepani kemelut masyarakat di Malaysia. Yang berikut merupakan antara contoh perbezaan hukuman bagi kesalahan yang sama dalam akta atau enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri.⁷⁴

(i) Menghina atau menyebabkan agama dipandang hina, dan lain-lain

Bagi kesalahan tersebut, seksyen 10, Enakmen Jenayah Syariah

72 Zainul Rijal Abu Bakar dan Nurhidayah Muhd. Hashim, 2008. *Isu-isu Syariah di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, hlm. 94.

73 Zainul Rijal Abu Bakar dan Nurhidayah Muhd. Hashim, 2008. *Isu-isu Syariah di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, hlm. 95.

74 Lihat Akta/Enakmen/Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri.

(Selangor) 1995 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM5000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Walau bagaimanapun, bagi kesalahan yang sama, seksyen 7, Akta Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 menyatakan hukuman denda tidak melebihi RM3000.00 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(ii) Tidak membayar zakat fitrah

Seksyen 21, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM5000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan tidak membayar zakat fitrah. Peruntukan hukuman yang berlainan bagi kesalahan yang sama dapat dilihat dalam seksyen 25(1) Enakmen Jenayah (Syariah) (Perak) 1992 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM1000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(iii) Minuman yang memabukkan

Seksyen 18(1), Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM3000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Walau bagaimanapun, bagi kesalahan yang sama, Seksyen 36 Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 (Pindaan 1987) memperuntukkan hukuman denda sebanyak RM5000.00 atau penjara tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya dan sebat tidak lebih daripada enam kali sebatan.

Oleh itu, kegagalan menyelesaikan masalah perbezaan hukuman pastinya menimbulkan tanda tanya dalam kalangan masyarakat terhadap asas yang diambil kira oleh penggubal undang-undang syariah untuk menentukan sesuatu bentuk hukuman. Keadaan ini akan menyebabkan pelbagai masalah perundangan dan memberikan tanggapan negatif masyarakat terhadap pentadbiran undang-undang Islam, apatah lagi dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara yang majoriti umatnya beragama Islam.

KAEDAH PELAKSANAAN TRANSFORMASI BIDANG KUASA TAKZIR MAHKAMAH SYARIAH

Undang-undang Islam tidak boleh dibiarkan berkuat kuasa tanpa pindaan dan perubahan berdasarkan situasi semasa dan ketinggalan zaman.⁷⁵ Proses transformasi perlu terus dilakukan terhadap peruntukan hukuman sedia ada bagi memastikan hukuman tersebut seiring dan kekal relevan dengan kehendak dan situasi masyarakat semasa. Oleh itu, bagi memastikan proses transformasi dapat dilaksanakan, perkara berikut perlu dilaksanakan.⁷⁶ Antara kaedah yang dicadangkan termasuklah:

1. Penyeragaman Undang-undang atau Bentuk Hukuman bagi Kesalahan Jenayah Syariah Negeri

Sebelum transformasi bidang kuasa jenayah takzir yang lebih menyeluruh dilaksanakan, perkara pertama yang perlu dilaksanakan adalah dengan menyeragamkan peruntukan hukuman bagi kesalahan jenayah syariah dalam akta atau enakmen negeri. Kajian mendapati bahawa hukuman bagi kesalahan yang sama berbeza antara negeri di Malaysia. Sekiranya penyeragaman tidak dilakukan, pasti timbul persepsi bahawa masih banyak kekurangan yang perlu diperbaiki, sekali gus merencatkan usaha untuk menambah baik Akta 355. Selain itu, sejauh manakah keadilan hukuman di mahkamah syariah akan terlaksana sekiranya peruntukan kuasa yang lebih luas diberikan kepadanya.⁷⁷

75 Farid Sufian Shuaib, 2007. "Memperkasa Sistem Perundangan Malaysia" dlm. Farid Sufian Shuaib *et al.* (ed). *Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia: Pentadbiran Keadilan*. Jilid 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

76 Farid Sufian Shuaib, 2007. "Memperkasa Sistem Perundangan Malaysia" dlm. Farid Sufian Shuaib *et al.* (ed). *Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia: Pentadbiran Keadilan*. Jilid 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

77 Ibrahim Lembut, 2012. "Penyeragaman Undang-undang Islam di Malaysia" dlm. Siti Shamsiah Md. Supi (ed). *Korpus Undang-undang Islam di Malaysia: Semakan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), hlm. 6.

Kaedah penyeragaman dan penyelarasan undang-undang antara negeri sebenarnya boleh dilaksanakan berdasarkan salah satu daripada kaedah yang berikut:⁷⁸

- (i) Mengadakan suatu model undang-undang bagi negeri untuk dibentangkan oleh negeri berkenaan dalam Dewan Undangan Negeri masing-masing.
- (ii) Parlimen membuat undang-undang bagi negeri bagi maksud mengadakan persamaan undang-undang antara dua buah negeri atau lebih di bawah perkara 76(1)(b) Perlembagaan Persekutuan.
- (iii) Parlimen membuat undang-undang bagi maksud persamaan undang-undang dan dasar di bawah perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan.

Dalam usaha menyelesaikan isu ketidakseragaman ini, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) boleh bertindak sebagai badan penyelarasan yang mampu mengharmonikan undang-undang Islam pada peringkat kerajaan pusat dengan kerajaan negeri. Sekiranya langkah ini berjaya, langkah seterusnya adalah untuk menyelaraskan aspek pentadbiran, pengurusan dan perkhidmatan bagi menjamin keberkesanan pelaksanaannya.⁷⁹

2. Pindaan dan Penambahbaikan Akta Parlimen

Apabila penyeragaman dan kelompangan peruntukan perundangan negeri dapat dilakukan, usaha untuk meminda atau menambah baik Akta 355 akan menjadi lebih konkrit dan realistik, serta sukar dipertikaikan dari segi kekurangannya. Untuk menjadikan pelaksanaan hukuman takzir menepati kehendak perundangan Islam yang sebenar, peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan

78 Sulaiman Daud, "Kesalahan Syariah di Bawah Bidang Kuasa Semasa" dlm. *Jurnal Hukum* 14:1 & 2, hlm. 129, 2001.

79 Ibrahim Lembut, 2012. "Penyeragaman Undang-undang Islam di Malaysia" dlm. Siti Shamsiah Md. Supi (ed). *Korpus Undang-undang Islam di Malaysia: Semakan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), hlm. 12-13.

akta parlimen yang berkaitan hendaklah dipinda dan ditambah baik. Begitu juga dengan akta atau enakmen negeri yang telah diluluskan. Akta atau enakmen negeri yang tidak selaras mestilah dipinda dan disesuaikan dengan Akta Parlimen yang baharu dipinda atau ditambah baik.⁸⁰ Tindakan ini perlu dilakukan kerana terdapat perintah mahkamah syariah yang tidak dapat dilaksanakan kerana tidak diperkukuh oleh pelaksanaan dan penguatkuasaannya oleh beberapa peruntukan undang-undang pada peringkat persekutuan dan juga dianggap bertentangan dengan akta parlimen atau Perlembagaan Persekutuan. Sebagai contoh, kesalahan jenayah liwat yang mempunyai peruntukan hukuman di mahkamah syariah bertentangan dengan Kanun Keseksaan yang merupakan akta parlimen.⁸¹ Dalam hal ini, penambahbaikan perkara 75 dan 76 (A1) Perlembagaan Persekutuan perlu dilakukan,⁸² iaitu:

- (i) Pindaan bagi perkara yang tidak selaras dengan undang-undang persekutuan

Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa sekiranya mana-mana undang-undang negeri tidak selaras dengan undang-undang persekutuan, maka undang-undang persekutuan itu hendaklah mengatasi undang-undang negeri dan undang-undang negeri itu adalah tidak sah setakat yang tidak selaras itu.

- (ii) Pindaan untuk memperluas kuasa perundangan negeri

Kuasa parlimen untuk memperluas kuasa perundangan negeri bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dilakukan. Perkara 76(A) 1 Perlembagaan Persekutuan menegaskan bahawa parlimen mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang mengenai sesuatu perkara yang disebut satu per satu dalam Senarai Persekutuan termasuklah kuasa untuk membenarkan badan perundangan negeri atau mana-mana daripadanya, tertakluk pada apa-apa syarat atau sekatan (jika ada) yang dikenakan oleh parlimen, untuk membuat undang-undang mengenai kesemua atau mana-mana bahagian perkara itu.

80 Hamidi Abdul Ghani, "Ta'zir dan Pelaksanaannya di Malaysia" dlm. *Jurnal KIAS* 1:1, 2004.

81 Lihat Kanun Keseksaan [Akta 574] seksyen 377A, 377B dan 377C.

82 Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan.

Kesalahan yang dilakukan oleh orang bukan Islam bersama-sama dengan pasangan Islam perlulah dipinda kerana bidang kuasa mahkamah syariah hanya terhadap kepada orang Islam sahaja. Pasangan bukan Islam dengan orang Islam dalam kes khalwat umpamanya akan terlepas begitu sahaja tanpa dikenakan sebarang hukuman. Sekiranya bidang kuasa hukuman diperluas kepada golongan bukan Islam yang terlibat sama dalam perlakuan jenayah dengan orang Islam, terutamanya dalam kes jenayah khalwat, nescaya mereka akan berfikir beberapa kali sebelum berani melakukan kesalahan jenayah bersama-sama dengan pasangan yang beragama Islam.⁸³ Perlu difahami bahawa undang-undang syariah adalah untuk kebaikan semua manusia sama ada Muslim ataupun bukan Muslim kerana penggubalannya bertujuan membasmi jenayah dan melindungi negara daripada porak-peranda dan kehancuran.⁸⁴

3. Pelaksanaan Hukuman Alternatif

Dalam keterbatasan hukuman yang diperuntukkan oleh Akta 355, masih ada ruang yang membolehkan para hakim menjatuhkan hukuman selain denda, penjara dan sebatan, iaitu hukuman alternatif yang berbentuk perintah pemulihan yang merangkumi hukuman khidmat masyarakat, kaunseling, kelas fardu ain, kelas pemantapan akidah dan program di masjid. Meskipun telah termaktub dalam peruntukan tersebut akta atau enakmen undang-undang kesalahan jenayah syariah dan enakmen tatacara jenayah syariah negeri, hukuman alternatif berbentuk perintah pemulihan masih belum boleh dilaksanakan secara menyeluruh berikutan tiada kaedah pelaksanaan yang jelas. Oleh itu, kaedah yang jelas tentang tatacara pelaksanaannya perlu dikaji secara mendalam oleh pihak yang berkaitan bagi membolehkannya dilaksanakan.

83 Zainul Rijal Abu Bakar dan Nurhidayah Muhd. Hashim, 2008. *Isu-isu Syariah di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, hlm. 94.

84 Azman Mohd. Nor, 2014. "Kemampuan Penyelesaian Jenayah: Antara Retorika Undang-undang Manusia dengan Syariat Allah" dlm. Mahfodz Mohamed *et al. Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah: Teori dan Realiti*. Selangor: Kuizm Publication, hlm. 102.

4. Memberikan Kefahaman kepada Masyarakat

Matlamat utama hukuman takzir adalah untuk memulihkan pesalah. Usaha untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat Islam dan bukan Islam di Malaysia tentang matlamat hukuman ini perlu dilakukan secara berterusan melalui pelbagai saluran. Realitinya, penambahbaikan Akta 355 memerlukan sokongan majoriti di parlimen dan sokongan ini boleh dicapai sekiranya mereka yang terlibat di parlimen memahami dan mempunyai tanggapan yang baik tentang hukuman takzir Islam yang perlu diusahakan secara lebih agresif oleh mereka yang terlibat dengan perundangan Islam di Malaysia.

KESIMPULAN

Undang-undang Islam telah mencapai suatu tahap kegemilangan pada zaman sebelum ini. Para fuqaha telah membincangkan dengan teliti dan panjang lebar tentang kaedah pelaksanaan pelbagai bentuk hukuman takzir. Umat dan institusi Islam akan rugi jika kajian para fuqaha ini tidak dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Oleh itu, sudah tiba masanya institusi kehakiman syariah di negara ini perlu berubah. Peluang dan kepercayaan perlu diberikan kepada institusi kehakiman Islam di Malaysia bagi mengembalikan kegemilangan perundangan Islam, khususnya dalam bidang jenayah takzir. Sebelum transformasi bidang kuasa direalisasikan, beberapa faktor yang boleh menjejaskan usaha mentransformasikan bidang kuasa mahkamah syariah perlu dikenal pasti dan dibaiki terlebih dahulu sebelum sesuatu transformasi dilaksanakan. Selepas lebih 30 tahun, suatu usaha bersepadu yang lebih drastik dan sistematik perlu dilakukan oleh institusi kehakiman syariah agar bidang kuasa takzir yang sedia ada diterima untuk ditambah baik. Usaha ke arah pemantapan perundangan syariah sedia ada sangat penting bagi memberikan gambaran bahawa mahkamah syariah sudah bersedia mentransformasikan bidang kuasanya ke peringkat yang lebih tinggi.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Amir, 1969. *Al-Ta'zir fi al-Syariyyah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Abdul Qadir 'Audah, 1986. *Al-Tasyri' al-Jinai al-Islamiy*. Jilid 1. Beirut: Muassah al-Risalah.
- Abdul Qadir 'Audah, 1986. *Al-Tasyri' al-Jinai al-Islamiy*. Edisi ke-7. Beirut: Muassah al-Risalah, hlm. 459.
- Abi al-Fida' Ismail bin Kathir, 2000. *Tafsir al-Quran al-Azim*. Jilid 4. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi, hlm. 2312-315.
- Ahmad Fathi Bahnasi, 1983. *Al-Siasah al-Jinaiyyah fi al-Syariah al-Islamiyyah*.
- Ahmad Fathi Bahnasi, 1991. *Al-Mausuah al-Jinaiyyah fi al-Fiqh al-Islami*. Juzuk 1. Beirut: Dar an-Nahdah, hlm. 347-48.
- Ahmad Kamaruddin Hamzah, 1989. *Pengantar Undang-undang Jenayah Islam*. Petaling Jaya: Al-Rahmaniah.
- Ahmad Mohamed Ibrahim dan Ahilemah Joned, 1987. *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mohamed Ibrahim, 1997. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Akta Kanun Acara Jenayah [Akta 593].
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Disemak 1988) [Akta 355].
- Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Pindaan 2005).
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan 1994).
- Al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Jilid 12. Al-Maktabah al-Salafiah, hlm. 165.
- Al-Mawardi, Abi Al-Hasan bin Muhammad bin Habib, 1989. *Al-Ahkam al-Sultaniah wa al-Wilayat al-Diniyyah*. Edisi Pertama. Kuwait: Maktabah al-Dar ibn Qutaibah, hlm. 224.
- Al-Nisaburi, Abu Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qushairi, 1978. *Sahih Muslim*. Jilid 11. Beirut: Dar al-Fikr, hlm. 132.
- Al-Qurtubi, Abi Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Ansari, 2007. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Jilid 3. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Al-Qurtubi, Abi Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Ansari, 2007. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Jilid 4. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Anita Abdul Rahim *et al.*, "Hukuman bagi Kesalahan Seksual di bawah

- Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992: Keperluan kepada Hukuman yang Lebih Berat” dlm. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 16, 2012.
- Anita Abdul Rahim, Ahmad Azam Mohd. Shariff dan Ruzian Markom. “Hukuman Sebat Menurut Akta 355: Sejauh Manakah Aplikasinya dalam Kes-kes Jenayah Syariah di Malaysia” dlm. *Shariah Law Reports* 3, 2010.
- Azman Mohd. Nor, 2014. “Kemampuan Penyelesaian Jenayah: Antara Retorika Undang-undang Manusia dengan Syariat Allah” dlm. Mahfodz Mohamed *et al. Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah: Teori dan Realiti*. Selangor: Kuizim Publication.
- Enakmen Jenayah (Syariah) 1992 (Perak).
- Enakmen Jenayah dalam Syarak (Perlis) 1991.
- Enakmen Jenayah Syariah 1992 (Pindaan 2004) (Negeri Sembilan).
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kedah)1998.
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 (Pindaan 1987) (Kelantan).
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1993.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) 2001 (Terengganu).
- Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1992.
- Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu 1982 (Pahang).
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Farid Sufian Shuaib, 2007. “Memperkasa Sistem Perundangan Malaysia” dlm. Farid Sufian Shuaib *et al.* (ed). *Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia: Pentadbiran Keadilan*. Jilid 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid Sufian Shuaib, 2008. *Powers and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia*. Edisi ke-2. Malaysia: Lexis Nexis Malaysia Sdn. Bhd.
- Hamidi Abdul Ghani, “Ta’zir dan Pelaksanaannya di Malaysia” dlm. *Jurnal KIAS* 1:1, 2004.
- Ibn Farhaun, 1995. *Tabsirah al-Hukkam fi Usul al-Aqdiyyah wa Manahij al-Ahkam*. Jilid 2. Kaherah: Al-Syarafiyah.
- Ibn Farhaun, 1301 H. *Tabsirah al-Hukkam fi Usul al-Aqdiyyah wa Manahij al-Ahkam*. Jilid 2. Kaherah: Al-Syarafiyah, hlm. 204.
- Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah, 2004. *Al-Siasah al-Syar‘iyyah*. Jordan: Dar al-Furqan.

- Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah, 2006 *Al-Jawziyyah. F'lam al-Muwaqqi'in*. Jilid 2. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Ibnu Qayyim al-Jawziyyah, 1995. *At-Turuq al-Hukmiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibrahim Lembut, 2012. "Penyeragaman Undang-undang Islam di Malaysia" dlm. Siti Shamsiah Md. Supi (ed). *Korpus Undang-undang Islam di Malaysia: Semakan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Ibrahim Mustafa, Hamid Abdul Qadir, Ahmad Hasan al-Zayyat dan Muhammad Ali Najjar, 1989. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Istanbul: Dar An Nadwah.
- Jasri Jamal, 2003. "Konsep Hukuman Takzir dalam Kanun Jenayah Syariah di Malaysia" dlm. *Prosiding Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Jasri Jamal. "Pertambahan Bidang Kuasa Jenayah Syariah: Impaknya terhadap Institusi Kehakiman Syariah di Malaysia" dlm. *Shariah Law Reports*. 1, 2012.
- Kanun Acara Jenayah [Akta 593].
- Kanun Keseksaan [Akta 574].
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid, 1997. *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid, 2001. *Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Shukri Hanafi dan Mohd. Tajul Sabki Abdul Latib, 2003. *Kamus Istilah Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud, Qisas dan Ta'zir)*. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd.
- Muhammad Amin ibn Abidin, 1996. *Hasyiah Rad al-Mukhtar ala ad-Durr al-Mukhtar*. Jilid 6. Kaherah: Maktabah al-Babi.
- Muhd. Fauzi Muhamad, 2009. *Menyingkap Hukuman Penjara dalam Islam*. Selangor: Awan Metro (M) Sdn. Bhd.
- Musa Awang, 2014. "Di Mana Kita dalam Pemantapan Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah". Kertas kerja dalam Seminar Undang-undang dan Masyarakat II (SLAS II). Auditorium Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Nasimah Hussin, 1997. "*Discretionary Punishment in Islamic Law with Special Reference to the Shariah Courts of Malaysia*". Tesis PhD. Faculty of Arts Department of Islamic and Middle Eastern Studies, University of Edinburgh.
- Noor Aziah Mohd. Awal, 2013. *Pengenalan kepada Sistem Perundangan*

- di Malaysia*. Selangor: International Law Book Services.
- Paizah Ismail, 1996. *Undang-undang Jenayah Islam*. Edisi ke-2. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.
- Perlembagaan Persekutuan.
- Shamrahayu A. Aziz. "Islamic Criminal Law in the Malaysian Federal Structure: A Constitutional Perspective" dlm. *IIUM Law Journal* 15:1, 2007.
- Sharifah Suhanah S. Ahmad, "Empowering in the Shariah Court in Malaysia-Article 121(1a) Re-visited" dlm. *IKIM Law Journal* 9:1, 2005.
- Sheikh Ghazali Abdul Rahman, "Masa Depan Mahkamah Syariah di Malaysia: Cabaran dan Strategi dalam Masyarakat Majmuk" dlm. *Jurnal Hukum XXIII:II*, 2007.
- Siti Zubaidah Ismail, 2012. "Kajian Semula terhadap Undang-undang Jenayah Syariah" dlm. Siti Shamsiah Mat Supi (ed.). *Korpus Undang-undang Islam di Malaysia: Semakan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Siti Zubaidah Ismail. "Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-undang Syariah" dlm. *Shariah Law Reports* 4, 2011.
- Sulaiman Daud, "Kesalahan-kesalahan Syariah di Bawah Bidang Kuasa Semasa" dlm. *Jurnal Hukum* 14:1 dan 2, 2001.
- Taqiyuddin Ahmad bin Taimiyyah, 1983. *Al-Hisbah fi al-Islam*. Kuwait: Maktabah Dar al-Arqam.
- Taqiyuddin Ahmad bin Taimiyyah, 2008. *As-Siyasah al-Syariyyah fi Islahi ar-Raie wa al-Raiyyah*. Beirut: Al-Maktabah al-Asriyyah.
- Wahbah al-Zuhaili, 1991. *Tafsir al-Munir fi al-Aqidati wa al-Syariati wa al-Manhaj*. Jilid 9-10. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Wahbah al-Zuhaili, 2005. *Fiqh dan Perundangan Islam*. Jilid VI. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainul Rijal Abu Bakar dan Nurhidayah Muhd. Hashim, 2008. *Isu-isu Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.

Diperoleh (*Received*): 31 Mac 2016

Diterima (*Accepted*): 23 Jun 2016